

03 MAY 1999

Datuk bandar

LANGKAH KAWALAN MALAYSIA TIDAK HALANG PELABURAN BRITAIN

KUALA LUMPUR, 3 Mei (Bernama) -- Pelbagai langkah kawalan yang diambil oleh kerajaan Malaysia untuk memulihkan ekonomi negara ini tidak akan menjejaskan semangat ahli-ahli perniagaan Britain untuk melabur di Malaysia, kata Datuk Bandar London Peter Levene, hari ini.

Beliau berkata walaupun masyarakat peniaga di London menentang sebarang langkah kawalan, tetapi beliau berpendapat apa juga langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia adalah untuk kebaikan negara ini.

Kini semua langkah kerajaan Malaysia itu didapati berhasil dalam memulihkan ekonomi negara ini, katanya pada persidangan berita di sini.

Beliau berkata tahun lepas, ahli-ahli perniagaan Britain melabur kira-kira 1 bilion pound sterling di Malaysia dan mereka masih menyukai suasana pelaburan di negara ini walaupun terdapat krisis ekonomi dan politik.

Levene, yang kedudukannya sebagai Datuk Bandar menjadikannya wakil sektor perkhidmatan kewangan Britain, tiba di sini semalam untuk lawatan dua hari bersama-sama dengan satu rombongan perniagaan. Beliau dijadualkan berlepas ke Singapura esok.

Semasa di sini, Levene dan delegasinya mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin dan Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Kamaruzzaman Shariff.

Levene berakta dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir dan Daim, mereka membincangkan pelbagai isu termasuk langkah-langkah kawalan yang diambil oleh kerajaan Malaysia dan hubungan dua hala antara Malaysia dan Britain.

Beliau juga menghadiri satu seminar anjuran Institut Strategi dan Penyelidikan Asia (ASLI) dan memberi ucap tama mengenai peranan bandaraya London dalam pembangunan Euro sebagai matawang dunia dan kepentingannya sebagai pusat perkhidmatan kewangan antarabangsa terkemuka dunia.

-- BERNAMA

AKT NAK